

Nassrul  
Hakim  
Md Jani



putra.tc76@yahoo.com

# Melahirkan majikan di kalangan siswazah


## Kurang sokongan keluarga, masyarakat jadi halangan utama

Berita Harian 16/05/2010 14/5 16

**M**ASALAH hari ini ialah kurangnya mahasiswa, terutama di kalangan Melayu dan Bumiputera ingin menceburi bidang keusahawanan. Mereka lebih gemar mencari majikan daripada menjadi majikan.

Mereka lebih rela berpeluh mencari pekerjaan daripada mencipta pekerjaan untuk diri sendiri seterusnya memberi pekerjaan untuk orang lain. Mereka lebih gemar mencemuh kerajaan apabila gagal mendapat pekerjaan. Mereka akan menyalahkan segala-galanya yang ada di sekeliling, kecuali diri sendiri apabila gagal mendapat pekerjaan.

Berikutan itu usaha Kementerian Pengajian Tinggi melaksanakan 'Dasar Pembangunan Keusahawanan IPT' seperti diumumkan Menteri, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin ketika merasmikan Konvensyen dan Karnival Keusahawanan Siswa IPT Peringkat Nasional ke-7 di Dataran Kampus Universiti Malaysia Kelantan (UMK) baru-



**MOHAMED KHALED** meninjau gerai di Karnival Keusahawanan Siswa IPT Peringkat Nasional ke-7 di Dataran UMK baru-baru ini.

ison, adalah usahawan'

dava iuang. Mereka ada ijazah dan di

baru ini, perlu diberi perhatian.

Enam Teras Strategik dikenal pasti sebagai usaha bersepadu dengan matlamat melahirkan majikan di kalangan siswazah. Satu perkara penting apabila sesuatu program atau dasar keusahawanan, terutama membabitkan mahasiswa dan siswazah dilaksanakan ialah perlu mempunyai matlamat jelas.

Dasar keusahawanan ini harus jelas menyatakan kita ingin melahirkan usahawan sebenar. Sekarang banyak orang mengaku mempunyai nilai keusahawanan tinggi, sama ada pegawai kerajaan, eksekutif, pengurus dan lain-lain, tetapi mereka tidak berniaga.

Keadaan ini tidak dapat mengatasi masalah dasar bidang keusahawanan, iaitu melahirkan majikan. Walaupun mempunyai nilai keusahawanan yang tinggi, mereka tetap bergantung kepada orang lain yang memberi pekerjaan kepada mereka. Kita kerap menitikberatkan 'nilai' semata-mata.

Oleh itu, kita harus tegas dan jelas bahawa program ini untuk melahirkan usahawan sebenar. Kita ambil contoh Institut Kemahiran Mara yang melatih ramai graduan dalam bidang teknikal seperti automotif, penghawa dingin dan sebagainya. Tetapi berapa ramai yang akhirnya membuka bengkel sendiri? Tidak ramai.

Mereka lebih suka bekerja makan gaji. Penulis sendiri melihat ramai rakan ketika di kampus, terbabit dengan kokurikulum keusahawanan, malah membuka perniagaan di kampus menerusi program keusahawanan yang dianjurkan di universiti, tetapi selepas menamatkan pengajian, mereka sama-sama beratur dengan rakan lain mengisi borang memohon pekerjaan.

Di manakah silap semua ini? Perkara ini harus diberi perhatian oleh kerajaan, terutama Kementerian Pengajian Tinggi dan semua agensi kerajaan yang berkaitan seperti Mara. Penulis pernah mendengar seorang penceramah keusahawanan menyatakan 'keusahawanan adalah kerjaya bagus, selepas tamat pengajian, jika gagal mendapatkan peker-

jaan, jadilah usahawan'.

Sekali imbas kenyataan ini menggalakkan mahasiswa menjadi usahawan, tetapi bidang itu dijadikan kerjaya pilihan kedua jika mereka gagal mendapatkan pekerjaan.

Sebelum menggalakkan mahasiswa dan siswazah menjadi usahawan, mestilah terlebih dulu dibangkitkan keyakinan kepada mereka bahawa kerjaya sebagai usahawan boleh menjamin masa depan. Mereka harus 'mengimani' dengan sesungguhnya bahawa keusahawanan itu adalah satu kerjaya. Mereka mestilah memilih kerjaya itu kerana minat dan percaya, bukannya kerana satu opsiyen disebabkan kurangnya peluang pekerjaan lain.

Seseorang siswazah sebenarnya gagal dalam perniagaan kerana ada ijazah dan diploma. Mengapa jadi begitu? Seorang usahawan siswazah membuka satu perniagaan. Oleh kerana perniagaan itu baru lagi, maka jualan diperoleh amat sedikit. Mungkin mereka mendapat untung RM500 atau RM800 sebulan. Kadangkala mereka rugi. Keadaan ini mungkin berlarutan sehingga setahun. Lalu mereka berfikir 'jika aku bekerja aku boleh dapat RM3,000 sebulan tanpa bersusah-payah.' Lalu mereka berhenti dan bekerja dengan orang lain.

Oleh itu, banyak kita lihat usahawan siswazah yang berniaga separuh jalan. Mereka takut dan tidak mahu mengambil risiko. Mereka kurang daya tahan dan

daya juang. Mereka ada ijazah dan diploma sebagai penyelamat. Golongan seperti ini tidak layak menjadi usahawan.

Seorang usahawan sejati, apabila gagal, mereka akan berfikir perniagaan lain yang boleh mereka lakukan untuk mendapat pendapatan. Tidak pernah ada dalam kotak fikiran untuk mencari pekerjaan lain jika gagal.

Sebenarnya perkara paling menarik dalam ucapan Mohamed Khaled apabila beliau menyentuh soal kurangnya sokongan moral keluarga dan masyarakat, terutama kepada orang Melayu. Inilah masalah paling utama membelenggu usahawan dan bakal usahawan siswazah dalam masyarakat Bumiputera. Bagi bukan Bumiputera, terutama Cina, mereka tidak mempunyai halangan psikologi ini.

Perkara ini masih kurang diberi penekanan dalam apa-apa dasar atau program keusahawanan sama ada kepada usahawan biasa atau lepasan graduan. Penulis percaya Dasar Pembangunan Keusahawanan IPT yang dirangka ini mengambil kira masalah ini sebagai keutamaan. Sebenarnya halangan keluarga memainkan peranan yang sangat besar dalam mencantas benih usahawan yang ada pada diri mahasiswa dan siswazah.

**Penulis ialah bekas pensyarah di sebuah IPT milik sebuah agensi kerajaan, kini seorang usahawan dan penulis sepenuh masa**